

## KEJAYAAN PASUKAN ROBOTIK POLITEKNIK MALAYSIA DI KEJOHANAN 23<sup>rd</sup> FIRA ROBOWORLD CUP TAIWAN 2018 PADA 6 - 12 OGOS 2018

### Pengenalan :

Kejohanan FIRA (*The Federation of International Robot-soccer Association*) Roboworld Cup merupakan satu kejohanan robotik di peringkat antarabangsa yang diadakan setiap tahun. Kejohanan ini telah bermula pada tahun 1996. Pada tahun 2013, Malaysia telah diberi mandat oleh FIRA untuk menganjurkan kejohanan 18<sup>th</sup> FIRA Roboworld Cup & Congress Kuala Lumpur 2013. Penganjuran berkenaan telah mendapat kepercayaan yang penuh oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga sokongan daripada Dato Seri Idris Jusoh yang merupakan Menteri Pendidikan II pada ketika itu.

Bagi tahun 2018, kejohanan ini telah memasuki tahun ke-23 dan tuan rumah bagi tahun ini adalah Taiwan. Kejohanan pada kali ini telah diadakan pada 6 – 12 Ogos 2018 di Taichung, Taiwan. Kejohanan 23<sup>rd</sup> FIRA Roboworld Cup Taiwan 2018 mempertandingkan 5 kategori utama iaitu :

- (a) *Humanoid Robot World Cup (HuroCup)*;
- (b) *Android Soccer Tournament (AndroSot)*;
- (c) *Robo Soccer Tournament (RoboSot)*;
- (d) *Simulation Robo Soccer Tournament (SimuroSot)*; dan
- (e) Fira-Air

## **Kejayaan :**

Pada kali ini, Pasukan Politeknik Malaysia yang diwakili oleh Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah berjaya merangkul :

- 9 pingat emas
- 3 pingat perak
- 2 pingat gangsa

Saingan pada tahun ini agak sengit disebabkan peningkatan keupayaan pasukan yang bertanding untuk setiap kategori. Pingat-pingat emas yang disumbangkan pada kali ini datangnya dari kategori HuroCup iaitu 4 pingat emas untuk sub-kategori Basketball, Triple-Jump, Marathon dan Spartan Race , Androsot iaitu 1 pingat emas dalam sub-kategori Dribble & Attack manakala Robosot iaitu 3 pingat emas dalam sub-kategori Race(2 Emas) dan Avoidance dan akhir sekali 1 emas telah diperolehi dalam kategori FIRa-Air untuk sub-kategori Autonomous Race.

Di antara pasukan-pasukan yang telah ditewaskan oleh Pasukan Politeknik Malaysia terdiri daripada pasukan Mexico, Taiwan, Canada, Indonesia, China, Brazil, Iran dan Korea Selatan. Para pelajar yang mewakili Pasukan Politeknik Malaysia terdiri daripada pelajar Diploma Kejuruteraan Elektonik (Komputer & Komunikasi), Diploma Kejuruteraan Mekatronik dan Diploma Teknologi Malumat telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dan mempunyai semangat juang yang tinggi dalam mencapai kejayaan ini.

Penyedia Laporan:

Unit Kejuruteraan Elektrik, Bahagian Kurikulum, JPPKK

Koleksi Gambar:



Gambar 1:

Flag Off pasukan Politeknik Malaysia bersama Dato' Ketua Pengarah JPPKK di PSA sebelum berlepas ke Taiwan





Gambar 2:  
Sekitar Pertandingan Fira Roboworld Cup 2018



Gambar 3:  
Pencapaian Pasukan Politeknik Malaysia



Gambar 4:  
Meraikan kejayaan Pasukan Politeknik Malaysia





BERITA SUKMA 2018 SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU



PASUKAN Politeknik Malaysia menunjukkan kehebatan mereka pada FIRA RoboWorld Cup 2018 kali ke23 di Taiwan.

## Politeknik Malaysia menyerlah di pentas antarabangsa

Oleh Faizatul Fairhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Politeknik Malaysia mencatat pencapaian membanggakan, apabila pasukan pelajarnya muncul penerima pingat emas paling banyak sempena 23rd FIRA RoboWorld Cup 2018 yang berlangsung di Taichung, Taiwan, hari ini.

Unit Komunikasi Korporat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam suatu kenyataan media di sini hari ini, menjelaskan, pertandingan disertai 1,200 pelajar dari 10 negara itu menyaksikan Politeknik Malaysia memenangi sembilan pingat emas mengeneipkan Indonesia (lima), China (lima), Taiwan (empat), Korea (dua) dan masing-masing satu Brazil, Rusia dan Filipina.

Pasukan Politeknik Malaysia juga meraih tiga pingat perak dan dua pingat gangsa pada acara yang berlangsung enam hari di University of Feng Chia itu, membabitkan lima kategori pertandingan, iaitu Androsot, Robosot, Hurocup, Simurosot dan Fira Air.

Gambar 5:  
Liputan di media





Gambar 6: Respon YBM dan YBTM di media sosial tentang kejayaan Pasukan Robotik Politeknik Malaysia.